

Masyarakat Peranakan Cina Muslim Di Melaka

Suhaila Abdullah*

Abstrak

Sejarah dan pembangunan tamadun Melayu di Melaka telah terhasil daripada interaksi antara tamadun Melayu dengan tamadun lain yang dibawa oleh peniaga-peniaga asing yang datang berdagang ke Empayar Kesultanan Melayu Melaka. Hal ini adalah kerana pada masa tersebut, Melaka merupakan sebuah pelabuhan entreport yang dikunjungi oleh peniaga-peniaga dan saudagar yang mewakili pelbagai tamadun dari seluruh dunia, termasuk peniaga-peniaga dari China. Pelabuhan yang sibuk di Melaka pada masa itu digambarkan oleh Sulalatus Salatin: "... kemudian semua perdagangan dan angin perdagangan atas angin ... semua datang ke Melaka." Kemasyhuran Melaka sebagai pusat perdagangan yang terkenal pada masa itu membawa kepada hubungan erat antara Melaka dan negara-negara lain termasuk China. Pada peringkat awal pembangunan dan pembinaan empayar Kesultanan Melayu Melaka, pemerintahnya telah meminta perlindungan dari China, terutamanya dari pemerintah Dinasti Ming. Hubungan perdagangan Melaka dengan China boleh dilihat dengan jelas melalui tindak balas daripada kerajaan Ming yang besar apabila mereka mengubah dasar perdagangan mereka dan membuka pelabuhan mereka kepada orang luar. Hubungan China-Melaka begitu erat. Hal ini telah dibuktikan oleh beberapa lawatan yang dibuat oleh kerajaan Melaka ke China dan juga oleh orang kenamaan dari China ke Melaka. Jelas sekali, hubungan awal Kerajaan Melaka dengan China telah dibangunkan sejak penubuhan hubungan diplomatik antara Melaka dan China dan juga dengan kedatangan pedagang dari China ke Melaka. Bermula dengan hubungan perdagangan antara China dan Melaka ini juga telah menyebabkan berlakunya perkahwinan campur di antara peniaga-peniaga Cina dengan penduduk tempatan. Oleh sebab pendatang Cina yang datang ke Melaka hanya terdiri daripada kaum lelaki, maka keadaan tersebut telah menyebabkan mereka mengahwini wanita tempatan. Hasil dari perkahwinan campur penduduk tempatan dengan peniaga-peniaga Cina yang berhijrah ke Melaka sejak abad ke-15 itu telah melahirkan masyarakat yang baru yang dikenali sebagai masyarakat Peranakan Cina atau Baba dan Nyonya di Melaka. Sesetengah masyarakat ini telah memeluk Islam dan hidup secara aman dalam kalangan rakan-rakan Melayu mereka. Karya ini akan membincangkan mengenai

* Pensyarah, Bahagian Falsafah dan Tamadun, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, (B.A IIUM) (M.A UM) (Ph.D UM).

Peranakan Cina Muslim di Melaka sebagai salah satu kumpulan minoriti Islam yang wujud di Melaka pada hari ini.

Kata Kunci: *Peranakan Cina, Muslim, Melaka, Islam, Minoriti.*

The Peranakan Chinese Muslim in Melaka

Abstract

The history and development of Malay civilization in Malacca had been resulting from the interaction between Malay civilization with other nations brought by traders and foreigners who came to the Empire of Malaccan Sultanate. This is because at that time, Malacca was an entreport centre visited by traders and merchants who represent various civilizations from all over the world, including traders from China. Bustling port of Malacca at that time was described by Sulalatus Salatin: "... then all the commerce and trade winds on the wind ... all are coming to Malacca." The fame of Malacca as a famous trading center at that time led to close ties between Malacca and other countries including China. In the initial stages of development and construction, protection of Malacca from China, particularly on the Ming Dynasty had been developed. Malacca trade relations with China can be seen clearly through a large response from the Ming government when they changed their trade policies and opened their port for outsiders. China-Malacca relationship was so close. This was proven by several visits made by Malacca government to China and as well as visits by dignitaries from China to Malacca. Obviously, the Malacca Government's early relationship with China has developed since the establishment of diplomatic ties between Malacca and China and also with the arrival of traders from China to Malacca. Starting with trade relations between China and Malacca, it has resulted mixed marriages between Chinese traders with the locals. As the Chinese immigrants who came to Malacca were only composed of males, this had caused them to marry local women. Thus, inter-marriages between local residents with Chinese traders who migrated to Malacca from the 15th century AD had gave birth to a new community known as the Peranakan Chinese community or the Baba and Nyonya in Malacca. Some of these community had embrace Islam and live peacefully among their Malay counterparts. This paper will discuss about the Peranakan Chinese Muslim in Melaka as one of the muslim minority group that is still exist in Melaka nowadays.

Keywords: *Peranakan Chinese, Muslims, Melaka, Islam, Minority.*

Pendahuluan

Kaum Peranakan Cina merupakan golongan subetnik Cina di Malaysia. Secara khususnya mereka terdapat di beberapa tempat seperti di Pulau Pinang, Terengganu dan Kelantan.¹ Masyarakat berketurunan Peranakan Cina berbeza dengan masyarakat Cina yang lain disebabkan ciri-ciri budaya mereka yang terhasil daripada interaksi dua tradisi peradaban iaitu peradaban Melayu tempatan dan juga peradaban Cina. Mereka turut dikenali sebagai komuniti Baba dan Nyonya dan kaum Cina Selat (*Straits Chinese*).

Sejarah Kewujudan Masyarakat Peranakan Cina di Melaka

Sejarah kedatangan kaum Cina di Tanah Melayu yang terawal dapat dikenal pasti sejak Zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Sebagai sebuah pusat perdagangan entrepot yang menjadi tempat pertukaran dan perniagaan barangan yang dibawa masuk daripada negeri China, India dan negara-negara lain di sekitar Asia Tenggara, Melaka telah menarik minat pedagang dari negara China untuk menjalankan kegiatan perdagangan di negeri itu. Ada di antara pedagang Cina yang telah tinggal menetap di Melaka untuk menjalankan perniagaan mereka.² Mereka inilah yang merupakan nenek moyang keturunan Peranakan Cina yang wujud di Melaka pada masa sekarang ini.

Semasa ekspedisi Zheng He (atau nama Islamnya Kasim San Bao, yang berketurunan Hui (Muslim) ke Melaka pada tahun 1413M, beliau telah membawa bersamanya seorang penterjemah lelaki beragama Islam bernama Ma Huan yang bertanggungjawab menulis sebuah buku bertajuk *Ying Ya Shen Lan* (1451M) (Pemandangan Indah di Seberang Samudera), yang mencatatkan peristiwa berkaitan pelayaran Zheng He.³

Sementara itu, buku *Sejarah Melayu (The Malay Annals)* yang ditulis sekitar awal kurun ke-17 Masihi juga mempunyai laporan penting berkaitan perkahwinan di antara Sultan Mansur Shah (1458 – 1477M) dari Melaka dengan seorang puteri dari negara China bernama Hang Liu. Menurut *Sejarah Melayu* puteri Hang Li Po telah dihantar ke Melaka oleh Maharaja China, dan Sultan Mansur Shah telah mengahwini beliau setelah beliau memeluk Islam. Dari

¹ Teng Mui Fong (1993), *Keluarga dan Perkahwinan di Kalangan Orang Baba Pulau Pinang, Disertasi Sarjana*, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 4.

² Yen Ching-Hwang (2000), *Historical Background*, dalam Lee Kam Hing dan Tan Chee Beng (eds.), *The Chinese in Malaysia*, Shah Alam: Oxford University Press, p. 2.

³ Lihat J.V.G. Mills (1970), *Ying Ya Sheng Lan "The Overall Survey of the Ocean's Shores"*, Cambridge: Cambridge University Press, terjemahan daripada tulisan teks asal dalam bahasa Cina yang ditulis oleh Ma Huan (1433), *Ying-yai Sheng-lan*. Lihat juga John Bastin dan Robin W. Winks (eds.), (1966), *Malaysia: Selected Historical Readings*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, h. 6 – 9.

perkahwinan itu, mereka dikurniakan seorang putera yang dinamakan Paduka Hamad (atau Mimat).⁴

Maklumat dalam buku *Sejarah Melayu* menyatakan bahawa rombongan puteri Hang Li Po diikuti oleh lima ratus orang pengikut lelaki bangsawan dan beberapa ratus orang dayang. Pengiring puteri Hang Li Po itu adalah terdiri daripada kalangan anak-anak para menteri yang dihantar oleh Maharaja China dan menjadi penolong kepada puteri itu. Kesemua mereka turut memeluk agama Islam dan diberikan tempat tinggal di sebuah bukit yang kini dikenali sebagai Bukit China.⁵ Terdapat pendapat termasuklah dalam kalangan masyarakat Peranakan Cina sendiri yang percaya bahawa mereka berasal daripada keturunan Hang Li Poh yang berkahwin dengan Sultan Mansur Shah.⁶

Walaupun demikian, kisah puteri Hang Li Po dan pengikut-pengikutnya tidak pernah ditemui dalam mana-mana rekod mahupun catatan Cina.⁷ Oleh sebab itu, Tan Chee Beng berpandangan bahawa walaupun Sultan Mansur Shah pernah mengahwini seorang wanita berbangsa Cina yang dihadiahkan oleh Maharaja China, perempuan tersebut tidak semestinya seorang puteri. Beliau juga berpendapat bahawa jumlah pengiring yang menemani puteri itu mungkin telah diperbesar-besarkan bagi menyanjung sultan yang memerintah ketika itu.⁸ Sementara itu Kong Yuanzhi mempunyai pendapat yang lebih positif dan berpandangan bahawa kisah Hang Li Po itu mempunyai dua aspek penting. Pertama, beliau merasakan bahawa kisah tersebut memperlihatkan sejarah berkenaan hubungan persahabatan yang telah terjalin begitu panjang di antara bangsa Melayu dan bangsa Cina. Aspek positif yang kedua ialah bahawa kisah tersebut juga menunjukkan bahawa telah terdapat kes-kes perkahwinan campur antara bangsa Melayu dengan bangsa Cina sejak lima abad yang lalu lagi.⁹

⁴ Tun Muhammad (Tun Seri Lanang) bin Tun Ahmad bin Tun Isap Misai bin Tun Isap Barakah bin Khoja Ahmad bin Bendahara Paduka Tuan bin Bendahara Paduka Raja Tun Perak bin Tun Perpatih Sedang (1612), *Sulalat al-Salatin (Hikayat Melayu)*, (Versi Tengku Sa'id, Sukadana, Codex Orientalis, Leiden 7304), dalam Muhammad Yusoff Hashim (ed.), (1998), *Hikayat Melayu atau Sulalatus-Salatin*, (Siri Penerbitan Karya Tersohor Klasik Melayu, IKSEP), Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP), h. 161 – 162. Lihat juga *Sejarah Melayu (Malay Annals)* (terj.: C. C. Brown), (1970), Kuala Lumpur: Oxford University Press, h. 82.

⁵ Tun Muhammad (Tun Seri Lanang) bin Tun Ahmad bin Tun Isap Misai bin Tun Isap Barakah bin Khoja Ahmad bin Bendahara Paduka Tuan bin Bendahara Paduka Raja Tun Perak bin Tun Perpatih Sedang (1612), dalam Muhammad Yusoff Hashim (ed.), (1998), *op.cit.*, h. 162. Lihat juga Jalil Osman, (Jun 1976), "Bukit China", *Jurnal Sejarah Melaka*, Bil. 1, Melaka: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Melaka, h. 37.

⁶ Tan, Chee Beng (1993) *Chinese Peranakan Heritage in Malaysia and Singapore*, Kuala Lumpur: Vivar Printing Sdn. Bhd., h. 61.

⁷ Kong Yuanzhi, (2000), *Pelayaran Zheng He dan Alam Melayu*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 79.

⁸ Tan Chee Beng, (1988), *The Baba of Melaka: Culture and Identity of A Chinese Peranakan Community in Malaysia*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications, h. 30.

⁹ Kong Yuanzhi, (2000), *op.cit.*, h. 82.

Data yang diperolehi daripada kaum berbangsa Cina seperti yang dibincangkan di atas merupakan sumber maklumat yang amat berguna dan membantu dalam melakarkan sejarah penempatan kaum Cina di Melaka sejak sebelum kurun ke-16 Masihi lagi. Justeru, jelaslah bahawa pada masa tersebut telah terdapat beberapa penempatan sementara kaum Cina di Kepulauan Tanah Melayu.¹⁰ Walaupun jumlah mereka pada waktu tersebut adalah amat kecil, namun ia merupakan asas kepada pembentukan komuniti Peranakan Cina yang menetap di Melaka.¹¹

Melaka Sebagai Pusat Penyebaran Agama Islam

Islam dari segi istilah bahasa Arab bermaksud “penyerahan diri kepada Allah S.W.T.” Oleh itu, agama Islam ialah agama yang didasarkan kepada penyerahan diri kepada Allah S.W.T, Tuhan yang Esa dan tiada sekutu baginya.¹²

Dengan itu, jelas bahawa Islam adalah agama yang diturunkan oleh Allah S.W.T., kepada Nabi Muhammad S.A.W untuk mengatur hubungan manusia dengan Allah, dengan dirinya dan sesama manusia. ‘Abd Karim Zaidan mentakrifkan Islam sebagai himpunan yang diturunkan oleh Allah S.W.T. kepada Rasul-Nya, Muhammad S.A.W yang terdiri daripada hukum-hukum berkaitan akidah, akhlak, ibadat, muamalat dan berita-berita yang terkandung dalam kitab suci al-Quran al-Karim dan Sunnah Rasulullah S.A.W.¹³

Dalam hal ini, Sayyid Qutb (1327 – 1386H / 1909 – 1966 M) menjelaskan bahawa kewujudan manusia di muka bumi ini mempunyai matlamat tertentu yang hanya akan dapat dicapai setelah melakukan tugas-tugas yang ditetapkan iaitu memperhambakan diri kepada Allah.¹⁴ Selain itu, takrif ‘Islam’ juga dapat dirujuk daripada hadis Jibril dalam *Sahih al-Bukhari*. :¹⁵

عن أبي هريرة قال كان النبي صلى الله عليه وسلم بارزا يوما للناس فأتاه رجل فقال ما الإيمان قال الإيمان أن تؤمن بالله و ملائكته و بآياته ورسوله و تؤمن بالبعث قال ما الإسلام قال الإسلام أن تعبد الله ولا تشرك به و تقيم الصلاة و تؤدى الزكاة المفروضة و تصوم رمضان الخ...

Maksudnya : “*Daripada Abi Hurairah berkata: Nabi Muhammad S.A.W., pada suatu hari duduk bersama sahabat, maka datang kepadanya seorang lelaki (Jibril) dan bertanya: Apakah yang dimaksudkan dengan iman ? Nabi menjawab: Iman itu percaya*

¹⁰ Victor Purcell (1967) *The Chinese in Malaya*, London: Oxford University Press, h. 14.

¹¹ Yen Ching Hwang (1976), *The Overseas Chinese and the 1911 Revolution: With Special Reference to Singapore and Malaya*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, h. 1.

¹² ‘Abd Karim Zaidan (1975), *Usul al-Da’wah*, Cet. 3, li al-Nasyr wa al-Tauziq bi al-Iskandariah: Dar ‘Umar Ibn al-Khattab, h. 8.

¹³ *Ibid.*, h. 1.

¹⁴ Sayyid Qutb (1977), *Fi Zilal al-Qur’an*, Jil. 26, Muj. 6, Beirut: Dar al-Shuruq, h. 3387.

¹⁵ Abi ‘Abdullah Muhammad Ibn ‘Isma’il al-Bukhari (m. 194 – 256 H), (t.t.), *Sahih al-Bukhari*, (Kitab al-Iman), Bab 37, Juz. 1, Dar al-‘Ishbiliya, al-Riyad: Markaz li al-Dirasat wa al-A’lam, h. 18.

kepada Allah dan Malaikat-Nya dan pasti bertemu dengan-Nya, percaya kepada Rasul-Nya dan Hari Kebangkitan. Bertanya lagi, apakah yang dimaksudkan dengan Islam ? Nabi menjawab : Islam itu adalah mengabdikan diri kepada Allah dan tidak menyekutukannya dan menunaikan solat serta mengeluarkan zakat dan berpuasa dalam bulan Ramadhan...hingga akhirnya.”

Memandangkan Islam adalah agama yang universal dan tidak terhad pada mana-mana kaum, maka terdapat ramai penduduk di nusantara khususnya di Tanah Melayu yang telah menganuti Islam. Kedatangan Islam ke rantau ini dikatakan berlaku melalui peranan pedagang dan pendakwah Arab dan India. Selain itu, terdapat pendapat yang mengatakan bahawa Islam di Alam Melayu turut dikembangkan dari Negara China. Hal ini terbukti dari lawatan pembesar Islam dari China yang bernama Zheng He pada tahun 1409M. Sementara itu, di negara China sendiri, agama Islam telah tersebar luas khususnya pada zaman pemerintahan Empayar Mongol.¹⁶ Keadaan ini telah memberikan satu keistimewaan bagi golongan Cina Muslim untuk menjalankan aktiviti perdagangan di Melaka. Oleh sebab itu, terdapat banyak kaum Cina Muslim dari negara China datang berdagang ke Nanyang (laut selatan) dan juga di pelabuhan-pelabuhan di Tanah Jawa. Namun demikian, golongan pedagang serta golongan Cina Muslim yang datang bersama Zheng He ke Melaka pada awal kurun ke-14 Masihi ini didapati tidak begitu berperanan besar dalam aktiviti dakwah kepada masyarakat umum lain di Melaka.¹⁷

Walau bagaimanapun, pada zaman pemerintahan Sultan Mansur Shah (1459 – 1477M), agama Islam telah mempunyai kedudukan yang kukuh dan teguh bertapak di Melaka. Pada masa tersebut, Melaka telah muncul sebagai pusat kerajaan Melayu Islam yang terbesar dan juga sebagai pusat penyebaran agama Islam yang terpenting di Asia Tenggara. Oleh sebab itu, Melaka telah berperanan sebagai sebuah pusat pertemuan dan perbincangan ulama dan para pendakwah Islam yang terpenting di kawasan Asia Tenggara di samping bertindak sebagai pelabuhan perdagangan.¹⁸

Masyarakat Peranakan Cina Muslim di Melaka

Penerimaan dan penganutan agama Islam dalam kalangan masyarakat Peranakan Cina di Melaka mempunyai senario yang tersendiri. Mereka menjalani kehidupan yang tersendiri bersama dengan umat Islam lain di negeri tersebut.

Berdasarkan pendapat Tan Chee Beng, perkahwinan pernah berlaku di antara pedagang Cina dengan wanita tempatan yang dikatakan bukan beragama Islam sebaliknya adalah wanita berketurunan Batak atau hamba-hamba yang

¹⁶ Kong Yuanzhi, (2000), *op.cit.*,h. 35.

¹⁷ Constance Mary Turnbull, (1981), *A Short History of Malaysia, Singapore and Brunei*, Singapura: Graham Brash Singapore, h. 21.

¹⁸ Haji Dusuki Bin Haji Ahmad (1980), *Islam di Malaysia: Kebangkitan dan Masa Depan*, Petaling Jaya: Pustaka al-Hilal, h. 14-15.

bukan Islam yang seterusnya mewujudkan satu komuniti baru di Melaka yang dikenali sebagai Peranakan Cina.¹⁹

Terdapat beberapa individu Melayu dari Melaka yang mengakui pernah mempunyai salasilah berketurunan Cina pada zaman nenek moyang mereka. Malah, ada juga yang menyatakan bahawa nenek moyang mereka berketurunan Nyonya dan mereka mewarisi gaya masakan ala-Nyonya yang diwarisi turun-temurun. Ada juga yang masih menyimpan barangan antik yang biasa terdapat di sesebuah keluarga Peranakan Cina seperti bekas menyimpan makanan dan sebagainya yang diwarisi dari generasi yang terdahulu. Namun demikian, salasilah sebenar tidak dapat dikesan secara tepat berikutan kurangnya maklumat tentang generasi mereka yang terdahulu.²⁰

Memandangkan Islam merupakan pegangan keagamaan masyarakat Melayu di Malaysia, maka ia juga menjadi landasan hidup dan asas kebudayaan masyarakat Melayu. Dalam hal ini, Islam mendasari kebudayaan Melayu terutama pada ideologi yang bukan material misalnya kepercayaan, nilai, pandangan semesta (*worldview*) serta falsafah yang bersifat Islamik. Sebagai sebuah komuniti Islam, masyarakat Melayu menjalani kehidupan berlandaskan firman Allah dalam kitab suci al-Quran dan sunnah Rasul-Nya seperti mana masyarakat Islam lain di Arab Saudi, Mesir, Nigeria, China dan sebagainya. Namun demikian, disebabkan faktor iklim dan kawasan yang berbeza, terdapat beberapa perbezaan di antara budaya kehidupan masyarakat Islam di Malaysia dengan masyarakat Islam di negara lain khususnya dari segi ekonomi, pakaian, peralatan rumah, permainan dan adat resam.²¹ Oleh sebab itu, apabila seseorang dari bangsa lain di Malaysia memeluk Islam, mereka biasanya mengadaptasi cara hidup masyarakat Melayu Islam dalam kehidupan mereka khususnya dari segi berpakaian bagi kaum wanita. Demikian juga halnya dengan masyarakat berketurunan Peranakan Cina di Melaka yang memeluk Islam.²²

Oleh kerana Islam di Malaysia sering dikaitkan dengan bangsa Melayu memandangkan hampir keseluruhan umat Melayu beragama Islam, menyebabkan masyarakat Peranakan Cina di Melaka Tengah memandang rendah dan kesal dengan tindakan saudara-mara, rakan-rakan atau mana-mana individu dari kalangan kaum Peranakan Cina yang memeluk Islam. Hal ini disebabkan seseorang yang berketurunan Peranakan Cina yang baru memeluk Islam biasanya akan menukar nama Cina beliau kepada nama Islam dan diikuti dengan bin Abdullah (untuk lelaki) atau binti Abdullah (untuk perempuan). Penggunaan

¹⁹ Lihat kajian yang dibuat oleh Tan Chee Beng (1988), *op.cit.*, h. 40.

²⁰ Suhaila binti Abdullah (2006), *Tesis Ph.D*, "Pemikiran Keagamaan dan Sistem Kepercayaan Masyarakat Peranakan Cina di Melaka Tengah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

²¹ Mohd Taib Osman (1988), *Kebudayaan Melayu dalam Beberapa Persoalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 3.

²² Suhaila binti Abdullah (2006), *op.cit.*

nama-nama Islam ini dianggap masyarakat Peranakan Cina sebagai tindakan membuang identiti kecinnaan dan keturunan asal mereka.²³

Selain itu, tindakan memeluk agama Islam dalam kalangan kaum Peranakan Cina juga sering dikelirukan dengan ungkapan “masuk Melayu” oleh ibu bapa atau saudara-mara yang beragama Cina. Justeru itu, apabila anak-anak kaum Peranakan Cina memeluk Islam, mereka akan menyifatkan anak tersebut telah “masuk Melayu. Walau bagaimanapun, dari segi sebab pemeluk Islam kebanyakan kaum berketurunan Peranakan Cina di Melaka Tengah yang memeluk Islam adalah terdiri daripada mereka yang memeluk Islam atas kehendak sendiri yang tertarik dengan kebenaran ajaran agama Islam dan kemudiannya berkahwin dengan pasangan berbangsa Melayu yang beragama Islam.²⁴

Sementara itu, terdapat juga dalam kalangan masyarakat Peranakan Cina yang memeluk Islam kerana berkahwin dengan pasangan berbangsa Melayu yang beragama Islam. Keadaan ini seterusnya menyebabkan anak-anak mereka diasimilasikan ke dalam masyarakat Melayu. Oleh sebab itu, penolakan masyarakat berketurunan Peranakan Cina di Melaka Tengah terhadap agama Islam secara umumnya bukanlah disebabkan oleh penolakan mereka terhadap agama Islam itu sendiri akan tetapi disebabkan perasaan tidak setuju mereka terhadap penyingkiran identiti Cina apabila seseorang yang berketurunan Peranakan Cina memeluk Islam. Hal yang sedemikian menyebabkan kaum Peranakan Cina dan kaum Cina yang lain seringkali mempunyai pandangan yang negatif terhadap mana-mana individu dari kalangan mereka yang memeluk Islam.²⁵

Sejarah pengislaman kaum Cina hanya direkodkan semenjak awal tahun 1980-an, setelah terdapat sejumlah kaum Cina yang telah memeluk agama Islam di Malaysia. Hal ini adalah disebabkan aktiviti dakwah yang dijalankan oleh Pertubuhan Kebajikan Islam (PERKIM) atau *Muslim Welfare Organization*. Menurut Judith Nagata, terdapat seramai lebih kurang 4000 – 5000 orang Cina Muslim di seluruh Malaysia Barat.²⁶ Lim Hin Fui pula mencatatkan rekod dari PERKIM bahawa terdapat lebih daripada 20,000 Cina Muslim di seluruh Malaysia.²⁷ Dalam hal ini, masyarakat Peranakan Cina juga termasuk dalam kategori kaum Cina yang memeluk Islam tersebut.

Secara umumnya, terdapat dua golongan Cina Muslim di Malaysia. Kategori pertama terdiri daripada kaum Cina yang berkahwin dengan pasangan

²³ *Ibid.*

²⁴ *Ibid.*

²⁵ *Ibid.*

²⁶ Judith Nagata (1978), “The Chinese Muslims of Malaysia: New Malays or New Associates : A Problem of Religion and Ethnicity” dalam Gordon P. Means (ed.), *The Past in Southeast Asia's Present*, Ottawa: Canadian Society for Asian Studies, h. 108.

²⁷ Lim Hin Fui (1980), Kajian di Kelang : Sebab-sebab Orang Cina Memeluk Agama Islam, dalam Azran Abd. Rahman (Ketua ed.), *Majalah Widya*, Bil. 34, (Jun), Kuala Lumpur: Adabi Gaya Pos Sdn. Bhd. (Bhg. Majalah), h. 56.

yang berbangsa Melayu dan beragama Islam atau kaum lain yang beragama Islam. Pada kebiasaannya anak-anak mereka dibesarkan dan didedahkan kepada persekitaran dan cara hidup masyarakat Melayu. Kategori kedua adalah terdiri daripada kaum Cina yang menganuti agama Islam bukan disebabkan oleh perkahwinan campur, dan jika berkahwin sekalipun masih memiliki isteri berketurunan Cina atau wanita bukan Melayu.²⁸ Kedua-dua golongan ini biasanya dikenali sebagai “muallaf”, “saudara baru” atau “saudara kita” sebagai tanda yang menunjukkan bahawa mereka adalah terdiri daripada penganut agama Islam yang baru.²⁹

Takrifan bagi “saudara baru” atau “muallaf” ialah orang yang dijinakkan hatinya (*al-Muallafat Qulubuhum*) iaitu mereka yang baru memeluk agama Islam. Secara umumnya, mereka masih lemah dari segi keimanan dan memerlukan bimbingan. Berdasarkan ayat al-Quran Surah al-Taubah, (9):60, saudara baru ialah orang yang dijinakkan hatinya dan mereka mempunyai bahagian untuk menerima zakat atau fitrah dalam asnaf yang lapan. Firman Allah S.W.T.:

﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ

قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغُرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً

مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦٠﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang faqir, dan orang-orang miskin, dan ‘amil-‘amil yang menguruskannya dan orang-orang mu’allaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musaffir (yang keputusan dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.*”³⁰

Terjemahan Surah *al-Taubah* (9) : 60

Di Malaysia, sebilangan besar saudara baru yang memeluk Islam adalah dari kalangan kaum Cina, India, Orang Asli dan sebilangan kecil daripada bangsa

²⁸ Lee Kam Hing dan Tan Chee Beng (eds.), (2000), *The Chinese in Malaysia*, Shah Alam: Oxford University Press, h. 64.

²⁹ Ann Wan Seng (November 2003), “Antara Muallaf, Saudara Baru dan Saudara Kita” *Buletin PERKIM (Wadah Interaksi Warga Perkim)*, Edisi 11, t.t.p.: t.p., h. 1.

³⁰ Sheikh Abdullah Basmeih (terj.), (2000), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (30) Juz*, Cet. 11, Kuala Lumpur: Dar al-Fikir, h. 443.

lain seperti Siam, Eropah, Hindu, Taoisme, Konfusianisme, Kristian dan golongan yang tidak berpegang kepada sebarang agama (*free thinker*).³¹ Dari segi kategori, kaum Peranakan Cina tidak mempunyai kategori yang tersendiri sebaliknya mereka tergolong dalam kumpulan orang Cina Muslim secara umum.

Kaum Peranakan Cina Muslim di Melaka umumnya tinggal di serata kawasan di negeri tersebut seperti kawasan sekitar bandar Melaka dan kawasan sekitar Melaka Tengah seperti di Jalan Tun Tan Cheng Lock, Tengker, Bukit Rambai, Tangga Batu, Paya Rumput, Bukit Baru, Bukit Beruang, Cheng, Klebang dan Tanjung Keling dan beberapa kawasan lain.³²

Kebanyakan kaum Peranakan Cina Muslim yang boleh ditemui pada masa kini adalah terdiri daripada mereka yang memeluk Islam dalam tahun-tahun 1970-an ke atas. Kes penganutan Islam di kalangan masyarakat Peranakan Cina yang telah memeluk agama Islam lebih awal dari tahun tersebut tidak dapat dikesan ekoran daripada ketiadaan maklumat yang jelas tentang mereka yang dapat diperolehi dan kerana ada dalam kalangan mereka yang telah meninggal dunia.³³

Rata-ratanya generasi keturunan mereka yang wujud pada hari ini juga tidak dapat menjelaskan bagaimana pemelukan agama Islam oleh ibu bapa atau datuk nenek mereka yang terdahulu memeluk Islam. Hal ini adalah kerana pada hari ini, generasi yang terkemudian telah menjalani kehidupan sebagai seorang Melayu setelah berkahwin dengan pasangan-pasangan berbangsa Melayu yang umumnya beragama Islam. Dengan sebab itu, budaya dan darah keturunan Cina semakin pudar dalam realiti kehidupan seharian mereka. Walau bagaimanapun, mereka tetap mengakui bahawa mereka mempunyai darah keturunan Peranakan Cina yang diwarisi daripada generasi terdahulu berdasarkan cerita yang disampaikan secara lisan dari ibu bapa mereka.³⁴

Kebanyakan individu Peranakan Cina Muslim di Melaka yang dapat ditemui pada hari ini adalah terdiri dari kalangan mereka yang dilahirkan dalam keluarga yang telah memeluk Islam. Hal ini kerana pada kebiasaannya generasi ketiga dan ke atas daripada masyarakat Peranakan Cina yang memeluk Islam telah sebatikan dalam masyarakat Melayu tempatan dan mereka sukar dikesan lebih-lebih lagi jika generasi ketiga dan ke atas tersebut telah berkahwin dengan pasangan dari kalangan bangsa Melayu. Berdasarkan kajian yang dilakukan, golongan yang memeluk Islam bukan kerana dilahirkan dalam keluarga Islam biasanya terdiri daripada golongan yang berasal dari agama Taoisme, Buddha dan golongan yang tiada agama (*free-thinker*).³⁵

³¹ Hussain Ahmad, (1978) "Saudara Baru dan Masalahnya" *Masa: Journal Pusat Penyelidikan Islam Malaysia*, Bil. 1, Tahun 1, Jabatan Perdana Menteri: Pusat Penyelidikan Islam Malaysia, h. 82 – 83.

³² Suhaila binti Abdullah (2006), *op.cit.*

³³ *Ibid.*

³⁴ *Ibid.*

³⁵ *Ibid.*

Dari segi kemampuan bertutur dialek Cina, kajian mendapati bahawa kaum Peranakan Cina di Melaka yang beragama Islam biasanya tidak mempunyai kemampuan bertutur mana-mana dialek Cina manakala segelintir sahaja yang dapat bertutur dialek Cina. Hal ini menunjukkan bahawa mereka yang hampir dengan masyarakat Melayu dan hanya bertutur dalam bahasa Melayu lebih cenderung untuk memeluk Islam.³⁶

Selain itu, individu Peranakan Cina yang memeluk Islam juga lebih cenderung untuk berkahwin dengan pasangan berbangsa Melayu. Seterusnya, anak-anak mereka juga dibesarkan sebagai seorang Melayu. Apabila anak-anak tersebut dewasa, mereka juga kebanyakannya akan berkahwin dengan pasangan Melayu. Situasi begini menyebabkan identiti Peranakan Cina bagi generasi ketiga dan ke atas semakin hilang dan sukar dikenalpasti.³⁷

Dalam pada itu, sebab utama pemelukan agama Islam dalam kalangan individu berketurunan Peranakan Cina adalah kerana mereka dilahirkan dalam keluarga yang telah menganuti agama Islam. Sebab kedua adalah memeluk Islam disebabkan perkahwinan. Oleh itu, faktor perkahwinan di antara masyarakat Peranakan Cina dengan pasangan beragama Islam merupakan antara faktor utama yang menyebabkan masyarakat Peranakan Cina di Melaka Tengah memeluk Islam.³⁸

Berdasarkan kajian yang pernah dilakukan mendapati bahawa dari segi latar belakang pendidikan, golongan yang berpendidikan sekolah menengah dan ke atas merupakan golongan yang memeluk Islam atas dasar minat. Sementara itu, bagi golongan yang berpendidikan sekolah rendah dan ke bawah, sebab utama mereka memeluk Islam adalah kerana perkahwinan. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat perkaitan rapat di antara pendidikan dan minat terhadap agama Islam. Minat terhadap Islam ini timbul apabila seseorang individu itu mempunyai ilmu pengetahuan tentang agama Islam. Oleh itu, peranan pendakwah dan media massa penting dalam menyebarkan penerangan mengenai ajaran Islam.³⁹

Kajian yang pernah dilakukan juga mendapati bahawa terdapat corak perubahan kawasan tempat tinggal di kalangan masyarakat berketurunan Peranakan Cina yang memeluk Islam di Melaka Tengah dalam kajian ini iaitu mereka lebih cenderung untuk berpindah ke kawasan yang majoritinya terdiri dari kalangan masyarakat Melayu selepas memeluk Islam.⁴⁰

Dalam pada itu, ada dalam kalangan individu berketurunan Peranakan Cina yang beragama Islam di Melaka Tengah menghadapi masalah dari segi bantahan keluarga ketika memeluk agama Islam. Di antara sebab pemelukan Islam yang paling banyak mendapat bantahan keluarga adalah 'perkahwinan' dan

³⁶ *Ibid.*

³⁷ *Ibid.*

³⁸ *Ibid.*

³⁹ *Ibid.*

⁴⁰ *Ibid.*

sebab kedua adalah pemeluk Islam atas dasar 'minat'. Walau bagaimanapun, secara umumnya, kebanyakan responden berketurunan Peranakan Cina di Melaka Tengah yang memeluk Islam masih mempunyai hubungan yang baik dengan ibu bapa dan ahli keluarga asal mereka. Hanya sebilangan kecil sahaja responden yang terputus hubungan dengan ibu bapa dan keluarga asal setelah memeluk Islam.⁴¹

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, pembentukan masyarakat Peranakan Cina bermula sejak kedatangan kaum Cina ke Melaka sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Kewujudan masyarakat Peranakan Cina yang terhasil daripada interaksi antara peradaban Melayu dan peradaban Cina yang bergabung secara harmoni itu membuktikan bahawa tamadun Melayu Melaka pada zaman kegemilangannya telah berjaya mempengaruhi dan menarik minat bangsa Cina untuk menggunakan sebilangan besar adat dan budaya masyarakat Melayu tempatan dalam kehidupan seharian mereka.

Hasil daripada interaksi antara kaum berbangsa Cina dan masyarakat Melayu tempatan ini telah menghasilkan kewujudan sebuah etnik bersintesis Cina-Melayu yang dikenali sebagai etnik Peranakan Cina (Baba dan Nyonya) di Melaka. Interaksi yang berlaku di antara bangsa Cina dan bangsa Melayu ini menyaksikan kaum pendatang tersebut mengadaptasikan nilai-nilai kebudayaan tempatan dalam kehidupan seharian mereka. Oleh sebab itu, komuniti Peranakan Cina kelihatan begitu hampir dengan masyarakat Melayu khususnya dari segi kebudayaan dan gaya hidup, malah ada di antara mereka yang telah menganuti agama Islam.

Kebanyakan individu Peranakan Cina yang memeluk Islam lama-kelamaan akan terserap ke dalam masyarakat Melayu. Hal ini kerana mereka atau anak cucu mereka biasanya menggunakan nama Melayu, hidup sebagai orang Melayu, berbudaya Melayu, bertutur bahasa Melayu dan berkahwin dengan pasangan Melayu. Akhirnya, identiti Peranakan Cina mereka terhakis dan hilang secara perlahan-lahan. Justeru itu, golongan Peranakan Cina yang memeluk Islam sukar dikenalpasti apabila generasi tersebut digantikan oleh anak cucu keturunan mereka yang terkemudian. Hal seumpama ini amat bertepatan dengan teori asimilasi yang menegaskan asimilasi dari sudut agama. Justeru itu, walaupun agama Islam itu universal dan tidak pernah terhad pada sesuatu budaya atau cara hidup, rata-ratanya masyarakat Peranakan Cina di Melaka yang beragama Islam lebih cenderung kepada budaya hidup dan tatacara masyarakat Melayu yang sudah disesuaikan dengan ajaran Islam.

Bibliografi

⁴¹ *Ibid.*

- 'Abd Karim Zaidan (1975), *Usul al-Da'wah*, Cet. 3, li al-Nasyr wa al-Tauziq bi al-Iskandariah: Dar 'Umar Ibn al-Khattab.
- Abi 'Abdullah Muhammad Ibn 'Isma'il al-Bukhari (m. 194 – 256 H), (t.t.), *Sahih al-Bukhari*, (Kitab al-Iman), Bab 37, Juz. 1, Dar al-'Ishbiliya, al-Riyad: Markaz li al-Dirasat wa al-A'lam.
- Ann Wan Seng (November 2003), "Antara Muallaf, Saudara Baru dan Saudara Kita" *Buletin PERKIM (Wadah Interaksi Warga Perkim)*, Edisi 11, t.t.p.: t.p.
- Bastin, John dan Winks, Robin W. (eds.), (1966), *Malaysia: Selected Historical Readings*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Haji Dusuki Haji Ahmad (1980), *Islam di Malaysia: Kebangkitan dan Masa Depan*, Petaling Jaya: Pustaka al-Hilal.
- Hussain Ahmad (1978) "Saudara Baru dan Masalahnya" *Masa : Journal Pusat Penyelidikan Islam Malaysia*, Bil. 1, Tahun 1, Jabatan Perdana Menteri: Pusat Penyelidikan.
- J.V.G. Mills (1970), *Ying Ya Sheng Lan "The Overall Survey of the Ocean's Shores"*, Cambridge: Cambridge University Press.
- Jalil Osman (Jun 1976), "Bukit China", *Jurnal Sejarah Melaka*, Bil. 1, Melaka: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Melaka.
- Kong Yuanzhi (2000), *Pelayaran Zheng He dan Alam Melayu*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lee Kam Hing dan Tan Chee Beng (eds.), (2000), *The Chinese in Malaysia*, Shah Alam: Oxford University Press.
- Lim Hin Fui (1980), Kajian di Kelang : Sebab-sebab Orang Cina Memeluk Agama Islam, dalam Azran Abd. Rahman (Ketua ed.), *Majalah Widya*, Bil. 34, (Jun), Kuala Lumpur: Adabi Gaya Pos Sdn. Bhd. (Bhg. Majalah).
- Mohd Taib Osman (1988), *Kebudayaan Melayu dalam Beberapa Persoalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Nagata, Judith (1978), "The Chinese Muslims of Malaysia : New Malays or New Associates : A Problem of Religion and Ethnicity" dalam Gordon P. Means (ed.), *The Past in Southeast Asia's Present*, Ottawa: Canadian Society for Asian Studies.
- Purcell, Victor (1967), *The Chinese in Malaya*, London: Oxford University Press.
- Sayyid Qutb (1977), *Fi Zilal al-Qur'an*, Jil. 26, Muj. 6, Beirut: Dar al-Shuruq.

- Sejarah Melayu (Malay Annals)* (terj.: C. C. Brown), (1970), Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Sheikh Abdullah Basmeih (terj.), (2000), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (30) Juz*, Cet. 11, Kuala Lumpur: Dar al-Fikir.
- Suhaila binti Abdullah (2006), *Tesis Ph.D*, "Pemikiran Keagamaan dan Sistem Kepercayaan Masyarakat Peranakan Cina di Melaka Tengah, Akademi Pengajian Islam: Universiti Malaya.
- Tan Chee Beng (1988), *The Baba of Melaka : Culture and Identity of A Chinese Peranakan Community in Malaysia*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Tan Chee Beng (1993) *Chinese Peranakan Heritage in Malaysia and Singapore*, Kuala Lumpur: Vivar Printing Sdn. Bhd.
- Teng Mui Fong (1993), *Keluargaan dan Perkahwinan di Kalangan Orang Baba Pulau Pinang, Disertasi Sarjana*, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Tun Muhammad (Tun Seri Lanang) bin Tun Ahmad bin Tun Isap Misai bin Tun Isap Barakah bin Khoja Ahmad bin Bendahara Paduka Tuan bin Bendahara Paduka Raja Tun Perak bin Tun Perpatih Sedang (1612), *Sulalat al-Salatin (Hikayat Melayu)*, (Versi Tengku Sa'id, Sukadana, Codex Orientalis, Leiden 7304), dalam Muhammad Yusoff Hashim (ed.), (1998), *Hikayat Melayu atau Sulalatús-Salatin*, (Siri Penerbitan Karya Tersohor Klasik Melayu, IKSEP), Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP).
- Turnbull, Constance Mary (1981), *A Short History of Malaysia, Singapore and Brunei*, Singapura: Graham Brash Singapore.
- Yen Ching Hwang (1976), *The Overseas Chinese and The 1911 Revolution: With Special Reference to Singapore and Malaya*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Yen Ching Hwang (2000), *Historical Background*, dalam Lee Kam Hing dan Tan Chee Beng (eds.), *The Chinese in Malaysia*, Shah Alam: Oxford University Press.